

### Senarai Soalan Lazim (FAQ)

SOALAN		JAWAPAN
1. Dana Rumah Mampu Milik	1. Apa itu Dana BNM untuk Rumah Mampu Milik?	Dana BNM untuk Rumah Mampu Milik (Dana BNM) merupakan dana berjumlah RM1 bilion yang diwujudkan oleh BNM untuk membantu pembeli rumah daripada kumpulan berpendapatan rendah di seluruh negara membiayai pembelian rumah pertama mereka.
	2. Siapakah yang layak untuk memohon Dana BNM ini?	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Warganegara Malaysia</b> dengan <b>pendapatan maksimum bulanan isi rumah sebanyak RM2,300</b>.</li><li>• Pekerja makan gaji atau bekerja sendiri.</li><li>• Peminjam <b>tiada rekod pembiayaan terjejas</b> untuk tempoh 12 bulan yang lalu.</li><li>• Peminjam tunggal atau peminjam bersama boleh memohon. Bagi peminjam bersama, semua peminjam mesti warganegara Malaysia (peminjam yang berstatus penduduk tetap tidak layak memohon).</li></ul>
	3. Bilakah saya boleh memohon Dana BNM ini?	Dana BNM ini tersedia selama dua tahun mulai 2 Januari 2019 atau sehingga dana RM1 bilion ini habis digunakan.
	4. Di manakah saya boleh memohon Dana BNM ini?	Dana BNM ini boleh didapati di institusi kewangan yang mengambil bahagian seperti yang berikut:  <b>AmBank</b> 03-2178 8888 <b>BSN</b> 1-300 88 1900 <b>CIMB Bank</b> 03-6204 7788 <b>Maybank</b> 1-300 88 6688 <b>RHB Bank</b> 03-9206 8118 (Semenanjung Malaysia) 082-276118 (Sabah dan Sarawak)

SOALAN		JAWAPAN
2. Ciri-ciri utama Dana BNM	5. Berapakah kadar pembiayaan di bawah Dana BNM ini?	Kadar pembiayaan maksimum ialah 3.5% setahun.
	6. Berapa lamakah tempoh pembiayaan ini?	Maksimum sehingga 40 tahun atau sehingga umur 70 tahun, yang mana lebih rendah.
	7. Apakah harga rumah kediaman yang boleh dibeli di bawah Dana BNM ini?	Rumah kediaman (rumah teres/pangsapuri/apartmen) yang berharga RM150,000 dan ke bawah.
	8. Apakah jenis rumah yang boleh dibeli oleh pemohon?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rumah kediaman di <b>pasaran utama</b> sahaja <ul style="list-style-type: none"> <li>- Rumah kediaman: Rumah teres, pangsapuri atau apartmen.</li> <li>- Pasaran utama sahaja: Rumah yang dijual oleh pemaju perumahan termasuk rumah yang masih dalam pembinaan</li> </ul> </li> </ul>
3. Program Pendidikan Kewangan	9. Adakah pemohon wajib mengikuti program pendidikan kewangan dan adakah program ini percuma?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ya, pemohon wajib mengikuti program pendidikan kewangan. Program ini ditawarkan secara <b>percuma melalui portal dalam talian dengan penilaian sendiri</b> yang mudah yang dikenali sebagai RumahKu di <a href="https://learn.akpk.org.my/courses/rumahku">https://learn.akpk.org.my/courses/rumahku</a> oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).</li> <li>• Bagi peminjam bersama, semua peminjam dikehendaki mengikuti modul ini</li> </ul>
	10. Apakah tujuan program pendidikan kewangan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tujuan program pendidikan kewangan dalam talian “Rumahku” adalah untuk mendidik peminjam mengenai kelayakan jumlah pinjaman yang mereka boleh mohon dan tanggungjawab serta komitmen kewangan mereka berkaitan dengan memiliki rumah.</li> </ul>

SOALAN	JAWAPAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah perlu menguruskan kewangan secara berhemat supaya kedudukan kewangan mereka berada dalam keadaan yang baik dan taraf hidup mereka meningkat.</li> <li>• Program pendidikan kewangan dalam talian “Rumahku” akan menyediakan tip dan panduan kewangan kepada pembeli rumah kali pertama agar mereka dapat menguruskan kewangan dengan lebih berkesan.</li> </ul>
<p>11. Adakah pihak institusi kewangan (IKP) yang mengambil bahagian memerlukan keputusan pendidikan kewangan yang kami ambil untuk proses permohonan pembiayaan?</p>	<p>Ya, IKP akan meminta pemohon supaya memberikan nombor sijil tamat mengikuti pembelajaran dalam talian “Rumahku” supaya mereka dapat memproses permohonan pinjaman pemohon.</p>
<p>12. Apakah akan terjadi dengan permohonan pinjaman saya sekiranya saya tidak lulus program pendidikan kewangan tersebut?</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada ujian dijalankan bagi yang mengikuti program pendidikan kewangan dalam talian “Rumahku”.</li> <li>• Modul ini membolehkan bakal peminjam membuat penilaian sendiri untuk mengetahui keupayaan mereka meminjam dan membayar balik pinjaman.</li> <li>• Sekiranya peminjam memerlukan khidmat nasihat selanjutnya, pihak AKPK boleh memberikan khidmat kaunseling kewangan termasuk khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan.</li> </ul>

SOALAN		JAWAPAN
4. Lain-lain	13. Apakah insentif lain yang disediakan di bawah Dana BNM untuk mengurangkan kos keseluruhan peminjaman?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Di bawah Dana BNM ini, kos keseluruhan peminjaman dikurangkan melalui langkah-langkah yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kemudahan bayaran pendahuluan (boleh menjadi sebahagian daripada pembiayaan, tertakluk pada penilaian IKP)</li> <li>➤ Kadar yang berpatutan untuk perlindungan gadai janji (MRTA/MRTT)</li> <li>➤ Tiada yuran pemprosesan permohonan pinjaman</li> <li>➤ Pengecualian duti setem oleh LHDN</li> </ul> </li> </ul>
	14. Adakah saya akan dikenakan penalti/denda sekiranya saya menjual rumah yang dibeli daripada Dana BNM ini kepada orang lain?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam tempoh lima tahun pertama selepas tarikh pengeluaran pembiayaan terakhir, peminjam tidak dibenarkan menjual rumah yang telah dibeli.</li> <li>• Jika mereka menjual rumah itu dalam tempoh tersebut, IKP akan mengenakan penalti sebanyak 2% atas jumlah baki pembiayaan.</li> </ul>
	15. Bolehkah saya memohon pinjaman untuk membuat pinjaman semula rumah sedia ada?	Tidak. Dana BNM ini diperuntukkan untuk pembeli rumah kali pertama.